

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : SEMPERNA MAJLIS PENYERAHAN MESIN CEREC 2
Lokasi : UNIVERSITI MALAYA, KUALA LUMPUR
Tarikh : 07-10-1998

Pertamanya saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Hj. Abdullah Sanusi Ahmad, Naib Canselor Universiti Malaya kerana sudi menjemput saya dan ahli-ahli BAKTI yang lain ke majlis pada pagi ini. BAKTI adalah badan amal dan kebajikan tenaga isteri Pemimpin-pemimpin Negara dan isteri Yang Di-Pertua Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

Kami bukanlah 'career women' dalam ertikata menjawat kerjaya sepenuh masa dalam bidang korporat atau awam. Kami cuba menjayakan beberapa aktiviti kebajikan dan satu daripadanya ialah dalam lapangan pendidikan. BAKTI amat gembira pada kali ini kerana dapat menyumbang terhadap perkembangan pendidikan tinggi serta latihan dan didikan anak-anak muda di negara kita.

2. Pada pagi ini, BAKTI amat berbangga kerana dapat menyerahkan Mesin CEREC 2 untuk kegunaan Fakulti Pergigian dan cek bernilai RM50,000 untuk diagih-agihkan kepada pelajar Universiti Malaya. Kami difahamkan bahawa dengan adanya mesin CEREC 2 yang canggih ini, banyak faedah akan diperolehi oleh pesakit-pesakit pergigian yang mendapat rawatan di Fakulti Pergigian Universiti Malaya. Rawatan yang diperolehi adalah yang termoden, selamat dan saya difahamkan ia dapat dilakukan dengan cepat. Pelajar-pelajar Fakulti juga akan turut didedahkan kepada kaedah rawatan pergigian yang 'precise' dan moden dengan menggunakan mesin ini.

3. Saya percaya pihak Fakulti akan dapat menjalankan penyelidikan dalam bidang restorasi gigi serta menambahkan lagi pengetahuan dalam bidang ini, di samping memperbaiki pengurusan pergigian ke atas pesakit masing-masing dengan adanya bantuan melalui mesin yang canggih ini. Kami berharap sumbangan daripada BAKTI pada hari ini akan menambahkan lagi keupayaan yang telah tersedia ada di Fakulti Pergigian ini.

4. Sumbangan BAKTI sebanyak RM50,000 pula bertujuan membantu pelajar-pelajar Universiti Malaya, terutamanya pelajar baru yang menjejak kaki ke kampus Universiti buat pertama kalinya. BAKTI sedar bahawa permulaan hidup baru ini memerlukan perbelanjaan yang banyak bukan sahaja daripada segi pembiayaan pengajian tetapi dalam membolehkan pelajar 'settle in' di kampus. Pembiayaan BAKTI tidaklah bermaksud untuk mengambil alih atau mengganti peranan badan-badan yang menyediakan dermasiswa atau biasiswa atau pinjaman untuk yuran pengajian pelajar. Sumbangan kami adalah untuk meringankan beban pelajar pada permulaan kursus daripada segi persediaan keperluan peribadi atau pembiayaan kecil-kecilan dengan harapan ia juga dapat mengurangkan 'cultural shock' yang mungkin dihadapi oleh ramai pelajar di kampus Universiti. Daripada segi pengagihan pembiayaan, BAKTI tidak membeza-bezakan pelajar daripada segi keturunan atau latar belakang atau keupayaan akademik.

5. Sebagai sebuah badan amal yang ahlinya terdiri daripada kaum ibu, BAKTI amat mengambil berat tentang kesejahteraan keluarga dan masyarakat, terutamanya generasi muda kita. Dengan itu BAKTI berharap institusi pengajian tinggi, seperti Universiti Malaya, dapat menggubal dalam program akademik masing-masing, daya ketahanan, nilai-nilai murni dan mulia serta rasa kasih sayang terhadap ibubapa dan keluarga supaya masyarakat kita menjadi teguh dan bersatu padu, bukan sahaja kerana kejaguan kita mengeluarkan pelajar-pelajar yang pandai dan cerdik, tetapi pelajar yang berhemah tinggi. Saya rasa dalam apa jua bidang profesion yang diceburi oleh pelajar-pelajar kita, amat penting bagi mereka mempunyai satu sistem nilai yang teguh untuk membolehkan mereka menghadapi segala cabaran, serta menyumbang khidmat dan tenaga untuk kesejahteraan umum.

6. Sebagai kaum ibu, BAKTI juga ingin melihat anak-anak muda kita dibekalkan dengan kemahiran seperti 'social etiquette' dan 'inter-personal skills'. Kemahiran seperti ini akan membolehkan generasi muda memperagakan diri di masyarakat luar dan menunjukkan teladan yang baik serta menjadi 'role model' kepada anak-anak muda yang lain yang akan memasuki universiti. Saya rasa didikan dan latihan universiti tidak patut hanya tertumpu kepada ilmu pengetahuan serta kepandaian menggunakan teknologi canggih semata-mata. Sahsiah yang tinggi dan kemahiran berinteraksi juga amat penting.

7. Kita pasti ingin melihat pelajar pergigian yang menggunakan mesin CEREC 2 yang canggih ini memberi layanan yang mesra dan baik kepada semua pelanggan yang datang untuk mendapat rawatan tidak kira daripada apa jua lapisan masyarakat. Begitu juga kita ingin melihat sumbangan dan pembiayaan oleh badan-badan yang menyumbang dana kepada pelajar-pelajar dimanfaatkan sepenuhnya untuk pengajian pelajar-pelajar supaya mereka kemudiannya dapat membantu keluarga yang telah memberi sokongan dan dorongan semasa belajar di Universiti.

8. Saya difahamkan bahawa Universiti Malaya telah membuka lembaran baru dengan kejayaannya memperolehi pengiktirafan kursus Sarjana Muda Pembedahan Pergigian atau 'The Bachelor of Dental Surgery Degree' dari The General Dental Council of Great Britain pada tahun yang lepas. Ini bermakna bahawa kursus BDS yang ditawarkan oleh Universiti Malaya adalah selaras dengan skop dan sistem pendidikan serta latihan yang ditetapkan oleh profesion kedokteran pergigian di Great Britain.

9. Pada masa yang sama Universiti Malaya telah berjaya menjadi pusat bagi peperiksaan kepakaran dan tempat latihan klinikal bagi tujuan memenuhi syarat Final Fellowship in Dental Surgery. Usaha ini diadakan bersama The Royal College of Surgeon of England. Bagi pihak BAKTI, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Naib Canselor Tan Sri Abdullah Sanusi, Dekan Profesor Dato' Hashim dan semua kakitangan Fakulti Pergigian yang nyata telah bekerja keras untuk mendapatkan pengiktirafan ini. Usaha tuan-tuan dan puan- puan telah meletakkan Universiti Malaya di satu tahap yang istimewa di mata dunia. Ini sudah tentu akan membantu usaha Kerajaan menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan tinggi.

10. Adalah diharapkan sumbangan mesin CEREC 2 daripada BAKTI dapat mempertingkatkan lagi program akademik pergigian, rawatan pesakit, penyelidikan serta latihan di Fakulti Pergigian. Semua ahli BAKTI sama-sama menumpang gembira di atas kejayaan Universiti Malaya.

11. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan setinggi- tinggi terima kasih di atas usaha Universiti mengelolakan majlis ini. Suka saya menegaskan di sini bahawa BAKTI akan sentiasa memberi sokongan untuk menjayakan program-program tertentu di Universiti Malaya. Semoga Allah memberkati segala usaha kita dan memberi kita keteguhan dan kecekalan untuk menghadapi segala cabaran.